

**LATIHAN 15**

BT Jilid 1: Unit 5; m.s. 32

Isi tempat kosong dengan kata hubung yang sesuai.

dan

yang

atau

hingga

kalau

untuk

lalu

kerana

1. Lalat itu terbang _____ hinggap di atas tong sampah.
2. Puan Hidayah mencuci sayur-sayuran itu _____ bersih.
3. Ikmal membeli mi goreng _____ air oren di kantin sekolah.
4. Adam dimasukkan ke hospital _____ mengalami keracunan makanan.
5. Chitra menutup mi goreng itu dengan tudung saji _____ berwarna merah.
6. Kita mungkin dijangkiti pelbagai jenis penyakit berbahaya _____ malas bersenam.
7. Ceramah tentang amalan gaya hidup sihat itu akan disampaikan oleh Encik Hanafi _____ Encik Syakir.
8. Orang dewasa perlu tidur sekurang-kurangnya tujuh jam setiap malam _____ merehatkan badan.